

22 NOV 1996

Apec-Ramos

RAMOS MAHUKAN RANGKA KERJA AWAL BAGI PENYERTAAN PERNIAGAAN

Oleh: Abdul Muin Majid

MANILA, 22 Nov (Bernama) -- Presiden Filipina Fidel Ramos menyeru supaya diwujudkan satu rangka kerja bagi membolehkan penyertaan sektor perniagaan dalam kerjasama ekonomi dan teknikal Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec).

Beliau berkata, Apec menjemput masyarakat perniagaan yang beliau mengibaratkan sebagai pembentuk Asia Pasifik, untuk menyertai perkumpulan itu dalam membina Asia Pasifik.

"Anda mungkin berkata usaha-usaha menjadikan Apec relevan kepada perniagaan berkurangan dan lebih banyak usaha diambil menjadikan perniagaan relevan kepada Apec," kata beliau semasa merasmikan Mesyuarat Menteri-menteri Apec Kelapan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Filipina (PICC) di sini, hari ini.

Beliau berkata, mesyuarat di Filipina itu akan meningkatkan kerjasama ekonomi dan teknikal untuk mengalihkan halangan struktur yang menghalang ekonomi-ekonomi negara daripada mengekalkan pertumbuhan serta menyumbangkan atau mendapatkan manfaat daripada peliberalan perdagangan dan pelaburan seluruh rantau.

Ramos berkata, tumpuan aktiviti dalam kerjasama ekonomi dan teknikal adalah dalam bidang-bidang kritikal seperti pembangunan sumber manusia, peningkatan kecekapan dan kestabilan pasaran modal dan memperkukuhkan infrastruktur ekonomi.

Bidang-bidang lain ialah mengambil kesempatan daripada teknologi masa depan, menjaga mutu hidup melalui pertumbuhan yang serasi dengan alam sekitar, memperkukuhkan kedinamikan perusahaan kecil dan sederhana dan menekankan peranan utama sektor swasta dalam kerjasama ekonomi dan teknikal.

"Kita akan menggalakkan ahli-ahli perniagaan Asia Pasifik untuk memulakan aktiviti-aktiviti dalam kerjasama ekonomi dan teknikal," kata beliau.

Beliau juga berkata, Pelan Tindakan Manila bagi Apec (Mapa) akan memulakan proses berterusan perdagangan progresif serta peliberalan pelaburan dan kemudahan pada Januari 1997.

Mapa yang terdiri daripada pelan tindakan individu 18 ekonomi Apec, merupakan dokumen utama yang akan dicadangkan oleh Menteri-menteri Apec bagi pemimpin-pemimpin mereka menerimanya untuk melaksanakan "Agenda Tindakan Osaka", iaitu satu peta jalan yang dipersetujui oleh Apec tahun lepas untuk menjadikan perdagangan bebas satu kenyataan pada tahun 2010 bagi ekonomi-ekonomi maju dan 2020 bagi ekonomi yang lain.

Beliau berkata, cabaran kepada Manila ialah membuktikan langkah-langkah yang telah dilaksanakan dan matlamat Apec akan dicapai.

"Objektif tindakan kita ialah untuk meyakinkan masyarakat perniagaan antarabangsa yang masih was-was bahawa perdagangan dan pelaburan bebas serta terbuka yang Apec ilhamkan akan menjadi kenyataan," katanya.

"Perdagangan dan pelaburan yang bebas serta terbuka telahpun mula berlaku di Apec dan ahli-ahli perniagaan boleh mengharapkannya untuk berterusan," kata beliau.

Selepas majlis perasmian, Ramos melakukan upacara membuka tirai Taman Seni Arca Apec di PICC untuk memperingati Filipina sebagai tuan rumah Apec dan juga kerjasama negara itu dengan rantau ini.

Sumbangan Malaysia kepada taman itu ialah ukiran arca piramid lutsinar tiga muka oleh Ramlan Abdullah. Ia diperbuat daripada resin plastik dan

menunjukkan rumah Melayu tradisional yang membawa makna tempat berlindung kepada manusia yang juga membayangkan Apec sebagai tempat berlindung dengan idealisme kemajuan, pertumbuhan dan kejayaan.

Malaysia diwakili oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz di mesyuarat peringkat Menteri itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka tiba pada Ahad di sini untuk menghadiri mesyuarat pemimpin-pemimpin di Teluk Subic pada Isnin.

Apec terdiri daripada Australia, Brunei, Kanada, Chile, China, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Filipina, Singapura, Taiwan, Thailand dan Amerika Syarikat (AS). -- BERNAMA

MAM SHY PR